

SIMPOSIUM FIOH MASYARAKAT BUKAN ISLAM DALAM NEGARA ISLAM

Tarikh : 23 – 24 Disember 2009 / 6-7 Muharram 1431
Tempat : Dewan Annex, SUK
Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

BAGAIMANA BERINTERAKSI DENGAN NON MUSLIM DALAM KONTEKS MALAYSIA

OLEH:
MOHAMMAD NIDZAM BIN ABDUL KADIR
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA



Persatuan Ulama' Malaysia Cawangan Selangor
Dengan Kerjasama
Jabatan Agama Islam Selangor dan
Majlis Agama Islam Selangor





BAGAIMANA BERINTERAKSI DENGAN NON MUSLIM DALAM KONTEKS MALAYSIA ¹

Oleh:

*Mohammad Nidzam Bin Abdul Kadir
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*

Muqaddimah

Dalam suasana Malaysia yang terdiri daripada masyarakat majmuk berbilang bangsa dan agama, maka fiqh Islam perlu kepada suatu dimensi tafsiran yang baru agar ia selari dengan suasana dan zaman.

Nas-nas Quran biasanya datang dalam bentuk gambaran umum. Ini dilanjutkan lagi oleh huraian dalam sunnah Nabi s.a.w. Namun kefahaman terhadap dua sumber ini terikat dengan pelbagai perkara. Antaranya sebab nuzul bagi sesuatu nas Quran dan sebab wurud bagi sesuatu nas hadis.

Riwayat-riwayat hadis ada menunjukkan bahawa Nabi s.a.w. berinteraksi dengan manusia berdasarkan tahap pemikiran dan suasana. Ada masanya dalam suasana berjenaka, ada masanya tegas dan sebagainya. Riwayat juga mencatatkan bahawa wujud golongan bukan muslim yang hidup dalam masyarakat muslim di Madinah.

Riwayat-riwayat yang pelbagai ini memberikan suatu konsep bagaimana untuk berinteraksi dengan masyarakat bukan muslim.

¹ Kertas ini dibentangkan dalam Simposium Fiqh Masyarakat Bukan Islam Dalam Negara Islam anjuran Persatuan Ulama' Malaysia Cawangan Selangor dengan Jabatan Agama Islam Selangor dan Majlis Agama Islam Selangor, pada 23-24 Disember 2009 bersamaan 6-7 Muharram 1431 bertempat di Dewan Annex, SUK Selangor



PRINSIP-PRINSIP DALAM BERINTERAKSI DENGAN NON MUSLIM

Syariah Islam adalah sesuatu yang dinamik dan berdaya saing. Syariah Islam adalah sesuai sepanjang zaman dan sesuai mengikut mana-mana tempat. Manakala fiqah Islam adalah suatu usaha ijtihad dalam mentafsirkan nas syarak.

Dalam berinteraksi dengan bukan muslim, ada beberapa prinsip yang wajar diberi perhatian. Antaranya :

1. Toleransi dan *tasamuh*
2. Tidak terikat dengan kefahaman sesuatu mazhab sahaja
3. Mengutamakan perkara yang lebih utama
4. Tidak membawa isu-isu khilaf
5. Memberi contoh imej muslim yang baik

TOLERANSI DAN TASAMUH

Islam adalah agama yang cukup bertoleransi. Toleransi ini zahir dalam interaksi dengan masyarakat bukan muslim. Ia sampai ke tahap toleransi dalam persoalan aqidah di mana Islam tidak memaksa masyarakat bukan muslim untuk beriman dengan Islam. Mereka bebas beramal dengan fahaman dan amalan mereka. Islam cuma menyuruh agar seruan dakwah dilaksanakan.

Contohnya, al-Quran menerangkan keperluan untuk berdialog dengan golongan ahli kitab dalam persoalan aqidah. Firman Allah mafhumnya :

“Serulah ke jalan Tuhan kamu dengan hikmah, nasihat yang baik dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang lebih baik”. (Surah an-Nahl : 125).



Dalam riwayat sunnah juga didapati bagaimana Nabi s.a.w. memberi ancaman terhadap mana-mana muslim yang menzalimi golongan bukan muslim yang disebut sebagai *mua'had* (معاهد).

Namun ada masanya sikap toleransi ini dianggap sebagai suatu tanda kelemahan umat muslim. Maka ada segelintir umat muslim yang bertindak kasar, biadap dan sombong dengan golongan bukan muslim.

Kalau diteliti riwayat sejarah, Nabi s.a.w. pernah mengadakan suatu perjanjian dengan kabilah Taghlab pada tahun 9 hijrah. Tahun 9 hijrah adalah suatu tahun di mana kekuatan umat Islam berada di puncaknya dengan pimpinan Nabi s.a.w. Ini terbukti dengan pembukaan kota Makkah. Antara butiran perjanjian tersebut ialah toleransi dalam agama di mana mereka boleh terus kekal dalam agama asal mereka.

Toleransi Islam juga dapat dilihat dalam keberkekalan rumah ibadat bukan muslim dalam negara yang ditadbir oleh umat muslim. Kesan-kesan sejarah masih wujud walaupun sudah ratusan tahun Islam bertapak kukuh dalam sesebuah negara. Persoalannya, bagaimana dengan bumi Andalusia atau Sepanyol? Apa yang terjadi kepada masjid-masjid di sana?

Oleh itu, hakikat toleransi ini perlu difahami dan diamalkan dengan sebaik mungkin. Dalam riwayat lipatan sejarah umat Islam, pembukaan negara Mesir oleh A'mru ibn al-A'ss, seorang sahabat Nabi s.a.w. dialu-alukan oleh masyarakat Mesir walaupun mereka golongan bukan muslim. Ini kerana sikap toleransi yang diamalkan oleh generasi awal Islam. Malahan Umar al-Khattab sering mewasiatkan gabenor dan panglima perangnya agar menjaga golongan bukan muslim. Antaranya tidak boleh dipaksa menerima Islam, gereja tidak boleh dimusnahkan, mengembalikan jawatan keagamaan kepada paderi mereka dan sebagainya. Semua riwayat sejarah ini dan yang lainnya satu bukti toleransi Islam.



TIDAK TERIKAT DENGAN KEFAHAMAN SESUATU MAZHAB SAHAJA

Di Malaysia, mazhab yang rasmi dan utama adalah mazhab Syafii. Mazhab bukanlah sesuatu yang asing dalam fiqah Islam dan masyarakat muslim. Mazhab adalah suatu aliran pemikiran dan ijtihad dalam memahami nas syarak. Oleh itu, bermazhab tidak salah bahkan merupakan suatu kewajaran. Ini kerana bermazhab bermakna mengikut al-Quran dan as-Sunnah. Kalau disebut mazhab Syafii, ia bermakna mengikut al-Quran dan as-Sunnah berdasarkan kefahaman Imam as-Syafii r.h. Begitu juga jika bermazhab Maliki maka ia bermakna mengikut al-Quran dan as-Sunnah berdasarkan corak kefahaman ulama muktabar yang diiktiraf iaitu Imam Malik r.h. Kefahaman sesuatu mazhab penting demi menjaga keharmonian dalam masyarakat.

Walaupun bagaimanapun, bermazhab akan menimbulkan masalah apabila wujud sikap fanatik kepada mazhab. Fanatik dalam erti kata hanya mazhabnya sahaja yang betul dan mengikut al-Quran dan as-Sunnah manakala mazhab lain adalah silap, sesat dan menyeleweng. Fanatik mazhab sebegini akan menimbulkan suasana fitnah, perkelahian, perdebatan yang tidak sihat dan meruntuhkan ukhuwwah Islam. Perkara ini hendaklah diubati dengan ilmu yang matang dan hati yang bersih untuk berlapang dada.

Dalam berinteraksi dengan bukan muslim, adalah tidak wajar jika suatu fahaman mazhab sahaja dipasarkan dan disyorkan kepada masyarakat bukan muslim. Ini kerana :

1. Kadang-kadang, ada tafsiran dan kefahaman sesuatu mazhab agak sempit dan ketat. Sempitnya sesuatu kefahaman mazhab dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Dikhuatiri masyarakat bukan muslim akan melihat Islam sebagai suatu agama yang sukar diamalkan.
2. Ijtihad para ulama silam walaupun berdasarkan nas syarak, namun ia tetap juga dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti u'ruf, suasana masyarakat dan sebagainya.

Oleh yang demikian, sewajarnya pemilihan dan pentarjihan hukum hendaklah diambil daripada kepelbagaian fahaman demi kebaikan dakwah Islam. Ada kefahaman yang



berbeza walaupun masih dalam satu aliran kefahaman mazhab. Namun ada juga keadaan di mana kefahaman mazhab yang lain terpaksa ditimbangkan.

Ada beberapa contoh-contoh kefahaman hukum dalam mazhab Syafii yang mungkin agak sukar diamalkan dalam suasana Malaysia.

CONTOH 1 :

1. Hukum kenajisan anjing. Dalam kefahaman mazhab Syafii, anjing adalah najis ¹. Hujahnya berdasarkan hadis jilatan anjing. Bagi masyarakat bukan muslim yang terdiri daripada bangsa Cina, India, orang asli dan sebagainya, anjing adalah haiwan yang hidup sehati dengan mereka. Kefahaman bahawa anjing adalah najis akan sedikit-sebanyak menjejaskan kehidupan mereka.
2. Hukum kenajisan babi atau khinzir. Dalam kefahaman mazhab Syafii, khinzir keseluruhannya adalah termasuk dalam najis mughallazoh. Hujahnya berdasarkan qiyas terhadap anjing.
3. Hasil daripada kefahaman bahawa anjing dan khinzir adalah najis, ia membawa kepada persoalan penyucian yang memerlukan samak. Ia juga satu perkara yang agak menyulitkan untuk diamalkan jika keperluan menyamak sering berlaku.

Maka di sini, dalam usaha berinteraksi dengan masyarakat bukan muslim, kefahaman mazhab yang lain perlu dikaji. Antaranya kefahaman mazhab Maliki yang berpendapat bahawa anjing tidak najis, bahkan anjing adalah suci. Penyucian jilatan anjing hanya terhad kepada jilatan anjing sahaja. Ia bukan kerana kenajisan anjing tetapi kerana *ta'abbudi* (menurut perintah syarak) sahaja. Jika anjing tidak menjilat tetapi hanya memasukkan kakinya ke dalam bekas, ia tidak perlu kepada samak menurut kefahaman mazhab Maliki².

Dalam kefahaman mazhab Hanafi, anjing dihukum sebagai najis. Namun penyuciannya tidak perlu kepada proses samak. Cukup sekadar basuhan biasa sahaja. Jika sekali sudah



mencukupi, maka ia sudah dikira suci. Kalau perlu kepada lebih basuhan, maka ia hendaklah dibasuh hingga suci.

Dalam masalah khinzir, masih wujud khilaf para ulama hatta dalam mazhab Syafii. Walaupun khinzir dihukum najis sebagaimana anjing, namun khilaf tetap wujud.

CONTOH 2 :

Dalam persoalan pengagihan zakat, al-Quran menyebut tentang asnaf yang lapan. Salah satu daripada asnaf tersebut ialah golongan *al-muallaf* hatinya. Siapakah mereka ini?

Dalam huraian Fiqh az-Zakat³, disebutkan sekitar tujuh golongan yang dikira dalam asnaf ini. Dalam kitab rujukan masyarakat Nusantara iaitu kitab Sabil al-Muhtadin⁴, golongan muallaf ialah golongan yang dijinaki hati kerana baru masuk Islam atau kerana lainnya. Maka dibahagikan golongan muallaf kepada lima pecahan.

Dalam kefahaman sebahagian ulama, golongan bukan muslim sama sekali tidak termasuk dalam golongan ini. Ini membawa kepada suatu hukum bahawa haram diberi zakat kepada individu bukan muslim. Antaranya dalam matan *Fath al-Mu'in*⁵ iaitu suatu karya rujukan asas dalam mazhab Syafii di Nusantara :

وَلَوْ أَعْطَاهَا لِكَافِرٍ أَوْ مَنْ بِهِ رِقٌّ أَوْ هَاشِمِيٍّ أَوْ مَطْلَبِيٍّ أَوْ غَنِيٍِّّ أَوْ مَكْفِيٍّ بِنَفَقَةٍ قَرِيبٍ لَمْ يَجْزِئْ

“Dan jika dia memberinya (zakat) kepada orang kafir, ... maka tidak memadai”.

Namun kefahaman ini bukanlah suatu ijmak para ulama. Ia adalah kefahaman sebahagian besar para ulama. Jika pandangan mereka ditolak, bukan bermakna tiada perasaan hormat kepada mereka tetapi sekadar memilih pandangan yang lebih sesuai untuk diamalkan pada zaman ini. Dikhuatiri jika pandangan ini dikekalkan, dihebahkan dan dikeluarkan maka ia seolah-olah Islam suatu agama yang hanya menjaga masyarakat muslim sahaja. Tidak dinafikan bahawa sedekah biasa atau sedekah sunat boleh diberikan kepada masyarakat bukan muslim, namun musuh-musuh Islam sentiasa mencari ruang untuk



menyerang Islam. Dengan ini, apakah salahnya jika pandangan sebahagian para ulama yang lain yang mengharuskan pemberian zakat kepada masyarakat bukan muslim diterima pakai.

Ini bukan bermakna ia diberi begitu sahaja. Pemberian zakat kepada bukan muslim hendaklah dibincangkan dengan baik. Apakah pula syarat-syaratnya. Yang penting, pemberian zakat adalah aset dan wasilah untuk menerima Islam.

Dalam kitab Nail al-Author⁶, dibincangkan masalah golongan muallaf. Perbincangan menjurus kepada hakikat bahawa golongan muallaf adalah golongan bukan muslim. Imam Syafii berpendapat bahawa kita tidak wajar lagi memberi kepada golongan ini. Namun Imam as-Syaukani berkata :

وَالظَّاهِرُ جَوَازُ التَّأْلِيفِ عِنْدَ الْحَاجَةِ إِلَيْهِ

“Dan zahirnya adalah harus melembutkan hati ketika ada hajat keperluan kepadanya”.

Perbincangan lebar ada dibincangkan dalam kitab Fiqh az-Zakat pada dua tempat. Pertama tentang golongan muallaf dan kedua tentang golongan yang tidak layak menerima zakat⁷. Hasilnya walaupun dikatakan wujud ijmak bahawa tidak harus zakat diberikan kepada bukan muslim, namun ia tidaklah kuat. Masih wujud lagi khilaf.

MENGUTAMAKAN PERKARA YANG LEBIH UTAMA

Kewajipan dalam Islam agak banyak. Kewajipan ini tidak mampu diamalkan tanpa iman yang kuat. Oleh itu, konsep *tadarruj* dalam erti bertakah dan sedikit demi sedikit amat diperlukan.

Maka keutamaan wajarlah diberi perhatian wajar. Al-Quran menekankan konsep hirarki amalan yang lebih utama. Keutamaan ini menjadi neraca untuk ia diutamakan. Contohnya dalam masalah iman dan menjaga keperluan minuman jemaah haji, manakah yang lebih utama? Al-Quran menjelaskan bahawa keimanan dan jihad lebih utama.



Dalam berinteraksi dengan bukan muslim, didapati ada perkara yang tidak asas dibincangkan dan dipromosi sebagai asas ajaran Islam. Contohnya berkhatan sebagai syarat untuk menjadi seorang muslim.

Maka apabila ada individu bukan muslim bertanya tentang Islam, persoalan khatan ini dibangkitkan. Soalnya sanggupkah dipotong kulup kemaluan sedangkan usia sudah 40 tahun.

Beberapa persoalan yang perlu diutamakan :

1. Aqidah yang mudah dan sejahtera. Adapun manhaj dan method aqidah, ia tidak berapa penting.

Kedapatan hari ini, wujud golongan muslim yang memperjuangkan manhaj aqidah, bukannya aqidah. Perjuangan memartabatkan manhaj/metod adalah baik, namun sikap menghentam manhaj yang tidak sealiran dikhuatiri membawa keburukan kepada Islam. Dalam hal ini, Islam dilihat seolah-olah tidak mempunyai manhaj yang jelas. Hakikatnya tidak begitu, tetapi kerana sikap dan ilmu yang kurang matang, ia membawa kepada interaksi yang tidak baik dengan masyarakat bukan muslim.

2. Solat sekadar kemampuan terlebih dahulu.

Dalam berinteraksi, ruh ibadat yang utama bukanlah pergerakan solat dan bacaannya tetapi bagaimana konsep ibadat dalam Islam. Penekanan kepada soal luaran tanpa aspek dalaman menyebabkan masyarakat bukan muslim memandang rendah kepada ibadat dalam Islam.



TIDAK MEMBAWA ISU-ISU KHILAF

Isu-isu khilaf adalah isu yang telah lama menjadi perselisihan para ulama. Antara dua amalan, manakah yang lebih baik? Isunya manakah yang lebih baik. Ini bermakna keduanya adalah baik.

Begitu juga dalam isu ranting. Wujud perselisihan antara bida'ah dan bida'ah hasanah. Persoalan ini membawa kepada perpecahan kepada umat Islam.

Dalam interaksi dengan bukan muslim, asasnya mereka ingin mengenal Islam. Bagaimanakah rupa bentuk Islam? Adakah Islam agama yang baik? Adakah Islam menjaga kepentingan dunia? Adakah Islam agama yang menjaga keharmonian masyarakat dan sebagainya.

Isu-isu khilaf memberikan suatu gambaran yang tidak baik tentang Islam. Ini kerana :

1. Umat muslim dilihat sebagai masyarakat yang tidak maju kerana terlalu asyik membincangkan perkara kecil.
2. Umat muslim dilihat sebagai masyarakat yang suka kepada permusuhan dan label-melabel.
3. Umat muslim dilihat masih terkongkong dengan perkara yang sudah lama dan lapuk.

Sepatutnya masa, tenaga dan apa yang ada digunakan untuk membincangkan persoalan yang lebih penting dan amat penting. Masih banyak lagi persoalan yang mewujudkan keraguan masyarakat bukan muslim terhadap Islam. Contohnya isu serangan terhadap al-Quran dan peribadi Nabi Muhammad s.a.w.

Serangan ini jika tidak dijawab dengan baik dan mantap akan menjadikan Islam sebagai satu agama yang tidak benar. Runtuhnya al-Quran akan membawa kepada keruntuhan Islam.



MEMBERI CONTOH IMEJ MUSLIM YANG BAIK

Masyarakat bukan muslim biasanya tidak akan melihat Islam melalui sumbernya yang asal iaitu al-Quran dan riwayat sunnah. Gambaran Islam akan dinilai melalui individu muslim dan masyarakat muslim.

Sayangnya gambaran kebanyakan individu muslim tidak mencerminkan Islam yang sebenar. Laporan tentang penagihan dadah menunjukkan bahawa individu muslim adalah penagih terbesar. Kes curi, ragut, penipuan dan sebagainya banyak juga melibatkan individu muslim.

Masyarakat muslim yang sepatutnya menjadi *khair ummah* iaitu umat yang terbaik juga tidak berjaya.

Kebanyakan negara umat Islam adalah negara miskin dan mundur. Kekayaannya mungkin hanya sementara hasil anugerah alam. Namun negara yang mana majoriti rakyatnya bukan muslim menunjukkan kekuatan dalam soal ekonomi walaupun sumber kekayaannya mungkin terhad.

Melayu selalu di kaitkan dengan Islam. Asal Melayu, maka mestilah Islam. Jika Melayu lemah, bodoh, miskin dan sebagainya sifat negatif maka ia akan tempias kepada Islam.

Kalau dikaji riwayat-riwayat sunnah, Nabi s.a.w. amat menjaga hubungan dengan masyarakat bukan muslim. Akhirnya dengan imej akhlak yang murni, mereka rela menjadi muslim.

Syair ada berkata :

فَطَالَمَا اسْتَعْبَدَ الْإِنْسَانَ إِحْسَانٌ

أَحْسِنَ إِلَى النَّاسِ تَسْتَعِيدُ قُلُوبَهُمْ

“Berbuatlah ihsan kepada insan nescaya engkau memperhambakan hati mereka,

Maka sentiasalah ihsan akan memperhambakan insan manusia”.



Dakwah dengan memaparkan akhlak mulia, sopan-santun, sikap yang baik dan sebagainya termasuk dalam kategori dakwah. Ia disebut sebagai *dakwah bil hal*. Dakwah ini sama penting dengan dakwah lisan.

Satu contoh menarik ialah bagaimana keperluan untuk melaksanakan janji yang dipersetujui. Dalam Perjanjian Hudaibiyah, Nabi s.a.w. menerima syarat daripada Arab Quraish agar mana-mana insan yang lari dari Makkah ke Madinah hendaklah tidak diterima oleh umat Islam. Sebaliknya sesiapa yang lari dari Madinah ke Makkah tidak perlu dikembalikan. Jelas bahawa ia perjanjian berat sebelah. Namun Nabi s.a.w. bersetuju dengan syarat ini. Selepas perjanjian, datanglah seorang insan bernama Abu Jandal untuk menyelamatkan dirinya dan aqidahnya. Walaupun mungkin dakwat perjanjian belum kering lagi, namun Nabi s.a.w. tidak menerima lelaki tersebut kerana terikat dengan perjanjian Hudaibiyah. Nabi s.a.w. diriwayatkan bersabda⁸ :

اصبر واحتسب فإن الله جاعل لك وللمن معك من المستضعفين فرجا ومخرجا . إنا قد عقدنا بيننا وبين القوم صلحا ،
وأعطيناهم على ذلك وأعطونا عهد الله ، وإنا لا نغدر بهم

“Bersabarlah dan haraplah pahala. Maka Allah akan menjadikan bagi engkau dan sesiapa yang bersama dengan engkau daripada golongan yang lemah akan jalan keluar. Sesungguhnya kami telah membuat perjanjian damai dengan mereka. Dan kami telah memberi mereka janji tersebut dan mereka memberi kepada kami akan janji Allah. Dan kami tidak akan memungkirkan akan mereka”.



KESIMPULAN

Hasil kertas kerja ini, didapati bahawa interaksi dengan masyarakat bukan muslim perlu kepada suatu kefahaman yang lebih luas. Dalam hal ini, sikap berlapang dada dan menerima perbezaan pandangan adalah amat baik.

Matlamat utama adalah dakwah dan menyebarkan Islam sebagai suatu rahmat daripada Allah.

² *Rahmat al-Ummah Fi alikhtilaf al-Aimmah*, Abu Abdullah Muhammad ibn Abd Rahman as-Syafii, Mustafa al-Halabi, 1986 M, hal. 7.

² *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, Dr. Wahbah az-Zuhaili, Dar al-Fikr, Syria, 1997 M, juz 1, hal. 305.

³ *Fiqh az-Zakat*, Dr. Yusuf al-Qaradhawi, Muassasah ar-Risalah, Beirut, 1999 M, juzuk 2, hal 595- 597.

⁴ *Sabil al-Muhtadin*, Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari, Maktabah an-Nahhdi, Thailand, t.t, juz 2, hal 116.

⁵ *Tarsyih al-Mustafidin Hasyiah Fath al-Mui'in*, Dar al-Fikr,t.t., juz 2, hal. 155-156.

⁶ *Nail al-Author*, Muhammad ibn Ali as-Syaukani, Dar al-Hadis, Kaherah, 1998 M, juz 4, hal. 198.

⁷ *Fiqh az-Zakat*, op.cit, hal. 702-708.

⁸ *Sirah Ibn Hisyam*, Abu Muhammad Abdul Malik ibn Hisyam, Dar al-Manar, Kaherah, t.t, edit oleh Muhammad Syahatah Ibrahim, juz 3, hal. 148.